

# Dewan Sultan Mizan

LEBIH 1,000 pelajar UMT berhimpun secara aman bagi membantah cadangan penggabungan dengan UniSZA di kampus UMT, Kuala Nerus, Terengganu, baru-baru ini. - UTUSAN/AZLAN BAHRUM

## 'UMT-UniSZA' perlu telus



**Ibrahim Komoo**

**S**EBAGAI mantan Naib Canselor UMT, saya terpanggil untuk memberikan pandangan mengenai hasrat kerajaan untuk menggabungkan dua Universiti Awam (UA) di Terengganu iaitu UMT dan UniSZA.

Kedua-dua UA ini mempunyai sejarah perkembangan yang berbeza sama sekali, cuma kebetulan berkedudukan fizikal sahaja sebelah menyebelah. UMT bermula sebagai Stesen Sains Marin, Univeriti Putra Malaysia (UPM) berkembang menjadi Fakulti berteraskan Sains Marin dan seterusnya diangkat menjadi Kolej Universiti dan akhirnya universiti penuh, Universiti Malaysia Terengganu.

UMT adalah satu-satunya universiti berfokus di Malaysia dengan hanya beberapa di dunia yang memberikan fokus kepada Sains dan Teknologi berkaitan sumber dan sekitaran marin. Malaysia ialah negara maritim dan semua negeri berbatasan lautan.

Begitupun, pengetahuan kita mengenai marin di sekitar kita masih sangat terbatas. Pelantar Sunda di mana Semenanjung Tanah Melayu, Borneo (Sabah dan Sarawak) dan kepulauan Indonesia adalah sekitaran laut yang unik, masih banyak yang perlu diterokai. Minda masyarakat dan pemimpin kita masih



Menggabungkan UMT dan UniSZA tidak dapat menyelesaikan isu asas yang sedang dihadapi oleh institusi UA di Malaysia kini. Isu kebolehpasaran siswazah sedang dihadapi oleh semua UA. Ini berpunca daripada dasar kerajaan berkaitan pembangunan teknologi watan yang kurang berjaya dan jalan singkat untuk berkembang pesat menggunakan industri dan tenaga mahir luar negara.

berpaksikan daratan.

### RANKING UMT MEMBANGGAKAN

Semasa menjadi Naib Canselor (2012-2015), saya telah mengemaskan Pelan Strategi untuk mengukuhkan lagi wawasan 'terokaan seluas lautan demi kesejahteraan sejagat' dan memperkasa ilmu berkaitan teknologi dan kejuruteraan marin. Inilah peluang melonjakkan UMT ke persada Asia Tenggara dan Asia Pasifik. Ketika itu, separuh ahli akademik adalah bekas pensyarah UPM dan sebahagian lagi ahli akademik muda dihantar ke Jepun,

Perancis, United Kingdom, Australia dan New Zealand untuk meraih ijazah PhD.

Menggerakkan wawasan akademik berkualiti ketika itu agak perlahan. Kita menghantar lebih ramai anak muda berkaliber ke luar negara, mereka telah pulang, beriltizam tinggi untuk menjayakan wawasan teroka seluas lautan.

Jika dilihat perkembangan akademik UMT, telah ramai ahli akademik muda yang berjaya menghasilkan penerbitan berimpak tinggi (Q1 dan Q2). Kedudukan ranking amat membanggakan walaupun merupakan UA muda, kedudukan adalah pada tahap pertengahan antara UA yang dibangunkan seangkatannya. UMT adalah satu-satunya UA bukan universiti penyelidikan yang diiktiraf sebagai HiCoE iaitu Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS).

Sebagai Naib Canselor ketika itu, saya amat teruja untuk menjadikan UMT universiti terunggul di Asia Tenggara dalam bidang sains dan teknologi marin. Malangnya, saya tidak diberikan kesempatan untuk memastikan hasrat ini dijayakan kerana YB Menteri Pendidikan Tinggi ketika itu sudah tidak sabar untuk meletakkan anak Terengganu untuk menjadi Naib

Canselornya. Begitupun, momentum untuk menyerlah masih berjaya diteruskan oleh ahli akademik muda yang berwibawa.

### RASIONAL PENGGABUNGAN?

Menggabungkan UMT dan UniSZA tidak dapat menyelesaikan isu asas yang sedang dihadapi oleh institusi UA di Malaysia kini. Isu kebolehpasaran siswazah sedang dihadapi oleh semua UA. Ini berpunca daripada dasar kerajaan berkaitan pembangunan teknologi watan yang kurang berjaya dan jalan singkat untuk berkembang pesat menggunakan industri dan tenaga mahir luar negara. Penjimatan kewangan tidak seberapa jika dibandingkan dengan impak negatif yang bakal kita hadapi.

Saya percaya, kajian terperinci perlu

dilaksanakan untuk merasionalkan penggabungan ini dan kerajaan perlu telus dan terbuka untuk menyampaikan dapatan kajian kepada semua pihak berkepentingan.

Apa yang lebih diperlukan pada masa ini ialah mencari Naib Canselor yang berwibawa, berpengalaman dan berwawasan, tanpa mengira negeri dan kelompok untuk menerajui UA negara. Pada masa yang sama, kementerian perlu memberikan perhatian tinggi untuk meningkatkan kualiti dan kelestarian Universiti Swasta (US) yang satu ketika dahulu bercambah bagai cendawan selepas hujan.

**PROF EMERITUS DATUK IBRAHIM KOMOO** ialah Mantan Naib Canselor-UMT.

